

# Skuad veteran UiTM tetap puas

>>Oleh Nazri Abu Bakar

am@hmetro.com.my

**S**KUAD futsal veteran Universiti Teknologi Mara Malaysia (UiTM) tetap berpuas hati walaupun sekadar muncul naib juara Kejohanan Staf Universiti Staf Malaysia (Sukum) Ke -35 di Pulau Pinang, baru-baru ini.

Bersemangat untuk mengungguli kejohanan, pasukan terbabit sebaliknya tewas 0-2 kepada skuad tuan rumah, Universiti Sains Malaysia (USM) yang juga juara bertahan kejohanan.

UiTM mara ke final selepas menewaskan Universiti Malaysia Kelantan 4-1 pada aksi separuh akhir, manakala USM mengecewakan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk berdepan pasukan terbabit di perlawanan akhir.

Jurulatih UiTM, Japilus Javid berkata, keseluruhan pasukan menunjukkan prestasi membanggakan termasuk menewaskan semua saingan pada peringkat kumpulan serta suku akhir kejohanan.



**PUAS...**pasukan UiTM Malaysia tetap berpuas hati muncul naib juara Sukum edisi ke-35 di USM, baru-baru ini.

Bagaimanapun, katanya, kecemerlangan tuan rumah yang mendapat sokongan padu peminat dan penyokong setia nyata azimat terbaik buat mereka untuk muncul juara.

Katanya, pasukan UiTM kali ini diwakili pemain daripada gabungan kampus Melaka, Terengganu, Perlis dan Shah Alam.

Beliau berkata, sebelum ini pasukan terbabit dalam sai-

ngan di Terengganu untuk edisi ke-34 berjaya menduduki tangga ketiga, dan bertekad muncul juara pada saingan 2011 yang bakal diadakan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).